

31 JUL 2003

Mahathir-Pilihan raya

BAHAGIAN DAN CAWANGAN UMNO DIARAH BERSEDIA UNTUK P/RAYA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno hari ini mengarahkan semua cawangan dan bahagiannya mengadakan persediaan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka perlu mengadakan latihan dan ujian sebagai sebahagian daripada persediaan menghadapi pilihan raya.

"Kita telah menentukan supaya Umno membuat persediaan untuk pilihan raya, dan bahagian serta cawangan perlu ada 'dry run dan wet run' untuk membiasakan petugas Umno bergerak dengan sempurna (ketika pilihan ryaa)," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT lebih dua setengah jam di ibu pejabat parti di Menara Dato' Onn di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata latihan itu akan membolehkan anggota parti dan petugas Umno menjalankan tugas pilihan raya dengan lebih licin.

Katanya Majlis Tertinggi juga bersetuju supaya semua bakal calon dari parti itu mengisytiharkan harta mereka secara rasmi sebelum bertanding dalam pilihan raya.

Dr Mahathir berkata dalam mesyuarat hari ini juga ditekankan pentingnya Umno mempunyai hubungan yang baik dengan pihak pentadbiran.

"Pentadbir memainkan peranan besar dalam melaksanakan segala dasar antara kerajaan dan Umno. Kita juga perlu dengar pendapat pegawai-pegawai," katanya.

Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi turut menyokong keputusan kerajaan menolak penggunaan khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk melafazkan talak bagi orang Islam.

Majlis Tertinggi merakamkan secara rasmi penghargaan mereka kepada Pengerusi Tetap Umno, Tun Sulaiman Ninam Shah, yang meninggal dunia akibat penyakit leukemia pada 5 Julai lepas.

-- BERNAMA

RV KHY MAI